



GARIS PANDUAN PENCALONAN PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

1. PERAKUAN PENCALONAN

- 1.1. Pencalonan bagi Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan bagi pegawai dan kakitangan hendaklah dibuat oleh **Ketua Jabatan masing-masing**.
- 1.2. Semua jabatan dan agensi dimohon untuk membuat edaran pekeliling ini kepada pertubuhan-pertubuhan profesional, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama atau yang berkaitan dengan jabatan / agensi masing-masing bagi mengemukakan perakuan pencalonan.
- 1.3. Ketua jabatan dan agensi hendaklah mengemukakan perakuan pencalonan semua peringkat pegawai dan kakitangan dan tidak terhad kepada sesuatu jabatan atau jenis jawatan sahaja.

2. ASAS PERAKUAN PENCALONAN

- 2.1. Seseorang calon yang diperakukan untuk pengurniaan sesuatu Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan, hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berjasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 2.2. Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan yang diperakukan hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam **Garis Panduan Bagi Menimbang Kelayakan Calon-calon Untuk Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2024 di LAMPIRAN A**.

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

- 2.3. Seseorang yang telah menerima sesuatu kurniaan negeri boleh dicalonkan lagi **selepas tiga (3) tahun kurniaan terdahulu.**
- 2.4. Seseorang calon hendaklah **tidak dicalonkan dengan mana-mana Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor yang setara atau lebih rendah tarafnya.**
- 2.5. Seseorang yang pernah **menolak tawaran pengurniaan** tidak perlu dicalonkan semula.
- 2.6. **Keutamaan** hendaklah diberi **kepada calon-calon yang telah lama berkhidmat dalam sesuatu perkhidmatan/ bidang.**

3. PERATURAN MENGEMUKAKAN PENCALONAN

- 3.1. **Borang Pencalonan Darjah Dan Bintang Kebesaran Serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan Bagi Tahun 2024** boleh diperolehi **secara percuma** di kaunter:

Unit Bintang, Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor

No. Telefon: 03-55212353 / 03-55212354
No. Fax: 03-55101088

atau

Muat turun di Laman Web Rasmi Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor <https://awards.selangor.gov.my>.

- 3.2. Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam:
 - (i) satu (1) salinan Borang Pencalonan mengikut format borang pencalonan;
***Nota Penting:** Pencalonan yang tidak menggunakan format borang yang ditetapkan akan ditolak*
 - (ii) satu (1) salinan kad pengenalan bahagian depan dan belakang; dan
 - (iii) satu (1) keping gambar berukuran pasport

sebelum **tarikh tutup penghantaran** iaitu pada **2 Ogos 2024 (Jumaat)**.

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

- 3.3. Pencalonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.4. Borang pencalonan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Selangor / Peringkat Kementerian / Jabatan Persekutuan / Swasta / NGO / Persatuan dan lain-lain yang telah dicadang oleh Ketua Jabatan masing-masing dan telah disokong oleh Ketua Ibu Pejabat jabatannya hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor

No. Telefon: 03-55212353 / 03-55212354
No. Fax: 03-55101088

- 3.5. Maklumat terperinci Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor adalah seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN A**.
- 3.6. Mana-mana jabatan atau agensi yang mengemukakan lebih daripada satu pencalonan hendaklah mengisi format Senarai Nama Pegawai/ Kakitangan Yang Dicapang Untuk Kurniaan Darjah Dan Bintang Kebesaran Serta Pingat Negeri Selangor seperti di **LAMPIRAN B**.
- 3.7. Perakuan pencalonan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah dikemukakan oleh **Ketua Jabatan calon berkhidmat dan disokong oleh Ketua Ibu Pejabat jabatannya**.

Sebagai contoh: Pencalonan yang dikemukakan daripada peringkat daerah, borang tersebut perlu ditandatangani oleh Ketua Jabatannya di peringkat daerah dan disokong pula oleh Ketua Jabatan di peringkat negeri.

- 3.8. Perakuan pencalonan Pegawai-Pegawai Peringkat Kementerian / Jabatan Persekutuan hendaklah dikemukakan oleh **Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian atau yang lebih tinggi tarafnya dan disokong oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Setiausaha Kementerian**.

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

- 3.9. Perakuan pencalonan Pegawai Kerajaan yang bergerak cergas dalam pertubuhan profesional, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama dan lain-lain hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sokongan daripada **Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat di mana calon itu berkhidmat.**

Sebagai contoh: Seseorang pegawai atau kakitangan daripada Jabatan Pendidikan yang dicalonkan oleh Jabatan Kesihatan di atas kegiatannya dalam Pasukan Bulan Sabit Merah, maka pencalonan itu hendaklah mendapat sokongan daripada Pengarah Pendidikan Negeri terlebih dahulu.

- 3.10. Semua perakuan pencalonan daripada Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pertubuhan-Pertubuhan Profesional/ Kebajikan/ Sukarela, Sukan, Sosial, Agama dan lain-lain perlu mendapatkan sokongan **Ketua Jabatan/ Agensi** atau **Penaung Persatuan/ Pertubuhan di mana calon itu bergiat aktif.**

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN
KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK PENGURNIAAN
DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

1. PENDAHULUAN

Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan adalah kurniaan kepada mereka yang berbakti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada Kerajaan Negeri bersesuaian dengan taraf kedudukan mereka dan kumpulan atau jenis penganugerahan adalah seperti berikut:

KELAS	GELARAN
DARJAH KEBESARAN MAHKOTA SELANGOR	
Kelas Pertama	Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) - Membawa gelaran " Dato' Seri " bagi penerima lelaki dan " Datin Paduka Seri " bagi penerima wanita
Kelas Kedua	Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) - Membawa gelaran " Dato' " bagi ahli lelaki dan " Datin Paduka " bagi ahli wanita
Kelas Ketiga	Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) - Tiada membawa apa-apa gelaran
Kelas Keempat	Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) - Tiada membawa apa-apa gelaran
DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH	
Kelas Pertama	Dato' Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) - Membawa gelaran " Dato' Setia " bagi penerima lelaki dan " Datin Paduka Setia " bagi penerima wanita
Kelas Kedua	Dato'-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) - Membawa gelaran " Dato' " bagi penerima lelaki dan " Datin Paduka " bagi penerima wanita
	Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (A.K.S.) - Tiada membawa apa-apa gelaran

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	GELARAN
Kelas Ketiga	Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.) - Tiada membawa apa-apa gelaran
Kelas Keempat	Ahli – Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.) - Tiada membawa apa-apa gelaran
BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (Tiada membawa apa-apa gelaran)	
Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B.K.S.)	
Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)	
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (Tiada membawa apa-apa gelaran)	
Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)	
Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (P.K.S.)	
Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)	
Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)	
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	
Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)	

2. KRITERIA ASAS

2.1 Kriteria Asas bagi pemilihan pencalonan adalah seperti berikut:

- i. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta Jenayah;
- ii. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Akta Pencegah Rasuah; dan
- iii. Tidak Terlibat di bawah Akta Kebankrapan.

3. KELAYAKAN

3.1 Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan dinyatakan secara terperinci seperti perenggan-perenggan di bawah yang disusun mengikut kekananan.

KELAS	PERINCIAN
DARJAH KEBESARAN MAHKOTA SELANGOR	
<p>Kelas Pertama</p> <p>Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)</p>	<p>(i) Darjah Kebesaran ini biasanya dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta Kerajaan. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berhak mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja yang Baginda Tuanku anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan dan rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.</p> <p>(ii) Darjah Kebesaran S.P.M.S. ini dizahirkan dalam tahun 1961. Ahli Kehormat Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor terdiri daripada Putera-Putera Diraja, Pemerintah-Pemerintah dan Ketua-Ketua Negara asing. Bilangan maksima bagi ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran Kelas Pertama ini ialah dua (2) orang pada satu-satu masa. Ahli-ahli yang menerima kurniaan Seri Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran “Dato’ Seri” pada pangkal namanya bagi Ahli Lelaki, “Datin Paduka Seri” kepada Ahli Wanita, Isteri Ahli-ahli Lelaki menggunakan gelaran “Datin Seri” pada pangkal namanya, manakala suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
	<p>(iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus III ke atas atau setaraf dengannya.</p>
<p>Kelas Kedua</p> <p>Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.)</p>	<p>(i) Orang yang layak menerima pengurniaan Darjah Kebesaran ini adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama (S.P.M.S.). Ahli-ahli yang menerima kurniaan Dato' Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran "Dato' " bagi Ahli Lelaki, "Datin Paduka" bagi Ahli Wanita pada pangkal nama mereka dan "Datin" bagi isteri Ahli Lelaki. Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.</p> <p>(ii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.</p>
<p>Kelas Ketiga</p> <p>Setia Mahkota Selangor (S.M.S.)</p>	<p>(i) Seseorang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama dan Kedua.</p> <p>(ii) Darjah ini dizahirkan pada tahun 1961. Ahli-Ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.</p> <p>(iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 atau setaraf dengannya.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
<p>Kelas Keempat</p> <p>Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.)</p>	<p>(i) Darjah ini dizahirkan pada tahun 1982 dan diletakkan di dalam famili Darjah Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Amat Mulia sebagai Darjah Kelas Keempat iaitu di bawah Darjah Setia Mahkota Selangor. Orang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) adalah mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan cemerlang.</p> <p>(ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.</p> <p>(iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi anggota-anggota di dalam Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH	
<p>Kelas Pertama</p> <p>Dato' Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.)</p>	<p>(i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.). Darjah Kebesaran ini boleh dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta Kerajaan. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berhak mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja yang Baginda Tuanku anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan serta rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.</p> <p>(ii) Ahli lelaki yang menerima kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato' Setia" dan Ahli Wanita yang menerima kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka Setia" pada pangkal nama mereka, manakala isteri kepada Ahli Lelaki berhak menggunakan gelaran "Datin Setia". Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.</p> <p>(iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus III ke atas atau setaraf dengannya.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
<p>Kelas Kedua</p> <p>Dato'-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.)</p>	<p>(i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.). Mereka yang layak dikurniakan Darjah Kelas Kedua ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dikurniakan Darjah Kelas Pertama.</p> <p>(ii) Ahli Lelaki yang menerima kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato" dan Ahli Wanita pula berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka" pada pangkal namanya, manakala isteri penerima lelaki boleh diberi gelaran "Datin" manakala suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.</p> <p>(iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.</p>
<p>Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (A.K.S.)</p>	<p>(i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.).</p> <p>(ii) Darjah Kebesaran ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-Ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun.</p> <p>(iii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang telah menempa nama di Peringkat Antarabangsa atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan yang berjaya di Peringkat Antarabangsa.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
	<p>(iv) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah memenangi Pingat di kejohanan-kejohanan yang berprestij di Peringkat Antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Komenwel dan Sukan Asia atau kejohanan-kejohanan Peringkat Dunia.</p> <p>(v) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.</p> <p>(vi) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Darjah Kebesaran ini tidak melebihi tiga (3) orang pada satu-satu masa.</p> <p>(vii) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)</p>
<p>Kelas Ketiga</p> <p>Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.)</p>	<p>(i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.). Mereka yang layak menerima Darjah Kebesaran ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran Kelas Pertama dan Kelas Kedua.</p> <p>(ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.</p> <p>(iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 ke atas atau setaraf dengannya.</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
Kelas Keempat Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.)	(i) Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan cemerlang. (ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal namanya. (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (Tiada membawa apa-apa gelaran)	
Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)	(i) Calon yang layak untuk dikurniakan Bintang ini ialah Pegawai-Pegawai Kerajaan dan penerima Bintang ini mestilah telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya selama 7 tahun dengan Kerajaan dan 4 tahun daripadanya dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan terus menerus.
Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B.K.S.)	<p>(i) Bintang ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun.</p> <p>(ii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang telah menempa nama di Peringkat Antarabangsa atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan yang berjaya di Peringkat Antarabangsa atau sekurang-kurangnya di Peringkat ASEAN</p> <p>(iii) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah memenangi Pingat di kejohanan-kejohanan di Peringkat ASEAN seperti Sukan SEA atau yang setaraf dengannya.</p> <p>(iv) Ahli-ahli yang dikurniakan Bintang ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka</p> <p>(v) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Bintang ini tidak melebihi lima (5) orang pada satu-satu masa.</p> <p>(vi) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (Tiada membawa apa-apa gelaran)	
Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)	(i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini ialah orang yang telah menunjukkan perbuatan yang amat cemerlang dan amat berani di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan pada keadaan-keadaan yang boleh mendatangkan bahaya besar kepada dirinya.
Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (P.K.S.)	<p>(i) Pingat ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewaikli Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.</p> <p>(ii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang terkenal di Peringkat Kebangsaan atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan Selangor yang berjaya di Peringkat Kebangsaan.</p> <p>(iii) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah menunjukkan kecemerlangan yang konsisten dan telah memenangi Pingat dalam sukan di Peringkat Negeri atau Peringkat Kebangsaan.</p> <p>(iv) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Pingat ini tidak melebihi lima (5) orang pada satu-satu masa.</p> <p>(v) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)</p>

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KELAS	PERINCIAN
Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)	<p>(i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang menunjukkan perbuatan yang dianggap terbilang di Negeri Selangor Darul Ehsan ini di samping menunjukkan budi pekerti yang cemerlang.</p> <p>(ii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.</p>
Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)	<p>(i) Pingat ini sama tarafnya dengan Pingat Jasa Kebaktian dan boleh dipertimbang untuk dikurniakan kepada seseorang Pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan yang sedang atau telah berkhidmat melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan cemerlang dan mempunyai kelakuan yang terpuji.</p>
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	<p>(i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang telah berjasa kepada Negeri Selangor Darul Ehsan. Ini termasuk perkhidmatan kemasyarakatan yang cemerlang, penghasilan kerja yang cemerlang dan mempunyai pekerti dan sifat-sifat yang terpuji. Pertimbangan juga boleh diberi kepada orang yang berkhidmat lama di Negeri Selangor Darul Ehsan.</p> <p>(ii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.</p>
Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)	<p>(i) Pingat ini boleh dikurniakan kepada Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan yang sedang atau telah berkhidmat terus menerus sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan berkelakuan baik dalam perkhidmatannya.</p>

4. KRITERIA TAMBAHAN

KATEGORI	TEMPAT BERKHIDMAT	PERINCIAN
Perkhidmatan Awam	Berkhidmat di Negeri Selangor	(i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan semasa. (ii) Gred Jawatan sekurang-kurangnya Gred Utama Turus III (bagi Darjah Kebesaran Kelas Pertama) dan Gred 54 (bagi Darjah Kelas Kedua) atau setaraf dengannya. (iii) Disokong oleh Ketua Jabatan (iv) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
	Berkhidmat di luar Negeri Selangor	(i) Sama seperti (i) – (iv) di atas. (ii) Bagi pegawai-pegawai tertinggi Persekutuan yang dapat membantu Pentadbiran Negeri seperti KSU setaraf atau setanding, Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan tetapi tidak diberi keutamaan sekiranya telah dikurniakan 'Datuk' oleh Kerajaan Persekutuan atau lain-lain negeri.
Politik	Berkhidmat di Negeri Selangor atau Kerajaan Persekutuan	Anggota Pentadbiran - Speaker, Ahli EXCO, Timbalan Speaker - Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen i) Mengikut nasihat YAB Dato' Menteri Besar ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

KATEGORI	TEMPAT BERKHIDMAT	PERINCIAN
		Bukan Anggota Pentadbiran <ul style="list-style-type: none">- Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan- Ahli Parlimen i) Mengikut nasihat YAB Dato' Menteri Besarii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam jawatan

5. PENGGANTUNGAN, PENARIKAN ATAU PEMULANGAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

5.1 Mana-mana penerima sekiranya didapati menyalahgunakan kurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan, pengurniaan tersebut boleh digantung atau ditarik balik.

**Unit Bintang, Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor**

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

LAMPIRAN B

**SENARAI NAMA PEGAWAI/ KAKITANGAN YANG DICADANG
UNTUK KURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2024**

NAMA JABATAN/ MAJIKAN :

BIL.	NAMA DAN JAWATAN	NO. K/P LAMA DAN NO. K/P BARU	KURNIAAN

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**RINGKASAN PANDUAN PENCALONAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL.	DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN	PERKHIDMATAN AWAM	SWASTA	POLITIK	NGO
1.	S.P.M.S. / S.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	- Pentadbiran Awam - Kehakiman - Polis/Tentera - IPTA Minimum Gred Utama Turus III Melebihi 50 tahun	- Pengerusi Eksekutif - Pengarah Urusan Syarikat Utama - IPTS Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun
2.	D.P.M.S. / D.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	- Pentadbiran Awam - Kehakiman - Polis/ Tentera - IPTA Minimum Gred 54 Melebihi 45 tahun	- Pengarah Urusan Syarikat Utama - IPTS Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun
3.	S.M.S. / S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	- Pentadbiran Awam - Kehakiman - Polis/ Tentera - IPTA Minimum Gred 48 Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun
4.	A.M.S. / A.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	- Pentadbiran Awam - Kehakiman - Polis/ Tentera - IPTA Minimum Gred 26 Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun
5.	B.P.C. a) Gred Jawatan b) Umur c) Tempoh Berkhidmat	- Pentadbiran Awam - Kehakiman - Polis/ Tentera - IPTA Minimum Gred 22 Melebihi 40 tahun Melebihi 7 Tahun			

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**RINGKASAN PANDUAN PENCALONAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL.	DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN	PEGAWAI SUKAN	AHLI SUKAN
1.	A.K.S. a) Sumbangan b) Kejohanan c) Tempoh Penglibatan	Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan Peringkat Antarabangsa CONTOH : Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia , Kejohanan Peringkat Dunia 10 Tahun	Memenangi Pingat Peringkat Antarabangsa CONTOH : Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia , Kejohanan Peringkat Dunia 10 Tahun
2.	B.K.S. a) Sumbangan b) Kejohanan c) Tempoh Penglibatan	Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan Peringkat Antarabangsa / Peringkat ASEAN CONTOH : Sukan SEA 5 Tahun	Memenangi Pingat Peringkat Antarabangsa / ASEAN CONTOH : Sukan SEA 5 Tahun
3.	P.K.S. a) Sumbangan b) Kejohanan c) Tempoh Penglibatan	Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan Peringkat Kebangsaan CONTOH : Sukan Malaysia (SUKMA) 3 Tahun	Memenangi Pingat Peringkat Kebangsaan CONTOH : Sukan Malaysia (SUKMA) 3 Tahun

**GARIS PANDUAN PENCALONAN
PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**RINGKASAN PANDUAN PENCALONAN
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL.	KRITERIA	PINGAT NEGERI SELANGOR				
		PKT	PPT	PPC	PJK	PPS
1.	Penjawat					
	i) Pentadbiran a) Gred Jawatan b) Umur c) Tempoh Berkhidmat	Tentera	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun Melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Semua Kakitangan Kerajaan Melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor
	ii) Profesional					
	a) Gred Jawatan b) Umur	<u>Tentera</u> Sarjan, Koperal, Pangkat Biasa <u>Polis</u> Sarjan, Lans Koperal, Koperal, Anggota Biasa	<u>Tentera</u> Lain-lain Pangkat <u>Polis</u> Lain-lain Pangkat		<u>Tentera</u> Lain-lain Pangkat <u>Polis</u> Lain-lain Pangkat Melebihi 35 tahun	
2.	Ahli Politik					
	a) Jawatan b) Umur		AJK Cawangan, Ahli Biasa Melebihi 35 tahun		Ahli Biasa Melebihi 35 tahun	